



**Donaldson**  
FILTRATION SOLUTIONS



**BERTINDAK DENGAN BERINTEGRITI**

**TATAKELAKUAN KITA**



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

## Apa Kita Buat: Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Kita

Pada tahun 1915, jurujual traktor bernama Frank Donaldson menerima pelanggan. Dan pelanggan itu sedang menghadapi masalah yang agak rumit – ladang penuh habuk yang sentiasa mengotorkan enjin traktornya. Frank berfikir panjang tentang masalah itu dan mendapat suatu penyelesaian yang ringkas tetapi sangat berkesan. Itulah caranya penuras udara Donaldson yang pertama tercipta.

Sejak itu, banyak yang telah berubah. Donaldson sudah berkembang menjadi sebuah syarikat global dan kita tidak hanya membaiki masalah enjin traktor. Kepelbagaian jenis pelanggan dan industri yang menerima khidmat kita tercermin pada kemampuan dan teknologi termaju dalam produk yang kita hasilkan hari ini. Tetapi apa yang kita buat secara asasnya tidak berubah. Pelanggan datang mengemukakan masalah mereka kepada kita dan kita beri mereka penyelesaian yang inovatif, produk yang berkualiti dan perkhidmatan pelanggan yang boleh dipercayai. Itulah sebabnya, lebih daripada 100 tahun kemudian, kita masih menunaikan janji untuk memajukan bidang penurasan demi dunia yang lebih bersih.

Tatakelakuan kita bukan sekadar senarai peraturan tetapi suatu ungkapan nilai dan prinsip yang membimbing hidup kita serta alat penting yang menolong kita memahami siapa diri kita dan cara kita mengurus niaga.

Muka-muka surat yang seterusnya membentangkan kehendak yang jelas tentang tindakan yang berintegriti, berdasarkan enam prinsip panduan kita. Saya galakkan semua pekerja agar membiasakan diri masing-masing dengan dokumen ini kerana pemahaman anda dapat menolong kita mematuhi undang-undang dan dasar-dasar kita.

Saya berbesar hati kerana diberi penghormatan untuk mengetuai syarikat ini dan seronok menantikan masa depan yang akan kita hadapi kelak. Bersama-sama, kita akan teruskan menjadi syarikat yang beretika, inovatif, mampan dan berjaya.

Yang benar,

**Tod Carpenter**

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS

# Tujuan dan Prinsip-prinsip Kita

Tujuan: Memajukan Bidang Penurasan demi Dunia yang Lebih Bersih. Kita memenuhi tujuan kita melalui himpunan enam prinsip yang membimbing tingkah laku, hubungan dan interaksi kita. Prinsip-prinsip ini menjadi teras segala pekerjaan kita.



## BERTINDAK DENGAN BERINTEGRITI

Kita menunaikan janji kita dan bertanggungjawab terhadap tindakan kita. Kita berpegang pada janji kita.



## LIBATKAN DAN PERKASAKAN WARGA KITA

Kita mempunyai budaya yang majmuk dan terangkum dan kita membuka peluang kepada warga syarikat kita untuk berkembang, membina kerjaya yang cemerlang dan memberikan sumbangan yang bermakna.




## SAMPAIKAN KHIDMAT DEMI PELANGGAN

Kita memahami, menjangkakan dan mengutamakan keperluan pelanggan, lalu kita menyampaikan produk dan penyelesaian yang dibezakan untuk menyokong kejayaan mereka.



## PUPUK INOVASI

Kita mengejar inovasi dalam segala pekerjaan kita, daripada peningkatan yang berterusan pada proses-proses kita sehingga penyelesaian cemerlang yang mewujudkan nilai dan kelebihan persaingan.



## BEROPERASI SECARA SELAMAT DAN MAMPAN

Kita komited terhadap keselamatan di tempat kerja, menjaga sumber asli dengan baik dan mengurangkan kesan yang kita tinggalkan terhadap persekitaran.



## PERKAYAKAN KOMUNITI KITA

Kita berkongsi masa, sumber dan bakat kita untuk meninggalkan kesan yang positif di dunia.



KANDUNGAN



TALIAN BANTUAN



SUMBER



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Kandungan

## APA KITA BUAT: PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KITA

### TUJUAN DAN PRINSIP-PRINSIP KITA

#### KITA JIWAI PRINSIP-PRINSIP KITA

Perihal Tatakelakuan Kita  
Tanggungjawab Anda  
Tanggungjawab Pengurus  
Membuat Keputusan yang Beretika  
Bercakap  
Tidak Bertindak Membalas  
Penyiasatan  
Pengetepian Tatakelakuan

#### KITA PERKASAKAN SATU SAMA LAIN

Tempat Kerja yang Bersuasana Hormat  
Kesihatan dan Keselamatan  
Konflik Kepentingan  
Hadiah, Keraian dan Layanan  
Hubungan dengan Pihak Ketiga  
Berurusan dengan Kerajaan  
Privasi Pekerja

## KITA BERTANGGUNGJAWAB

Aset Syarikat  
Data Pelanggan dan Rakan Niaga  
Maklumat Sulit dan Harta Intelektual  
Menyampaikan Kualiti  
Penyimpanan Rekod dan  
Pelaporan Kewangan yang Tepat  
Bercakap Bagi Pihak Donaldson  
Media Sosial

## KITA BUAT APA YANG BETUL

Hubungan dengan Pelanggan  
Pencegahan Rasuah  
Pematuhan Undang-undang Perdagangan  
Perdagangan Orang Dalam  
Persaingan Adil

## KITA PENGAWAS YANG TERPUJI

Hak Asasi Manusia  
Penglibatan dengan Komuniti  
Aktiviti Politik  
Menjaga Persekitaran

## KATA-KATA PENUTUP

## SUMBER YANG MEMBANTU





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# KITA JIWAI PRINSIP-PRINSIP KITA

**APABILA KITA BERPEGANG PADA PRINSIP,  
KITA MEMUNGKINKAN KEJAYAAN.**



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Perihal Tatakelakuan Kita

Di Donaldson, Tatakelakuan kita bukan sekadar senarai peraturan. Tatakelakuan ini merupakan gambaran nilai dan prinsip hidup yang kita amalkan. Tatakelakuan kita memberikan bimbingan dan sumber untuk membantu kita memelihara tempat kerja yang berintegriti, penuh hormat, selamat dan cemerlang.

Walaupun Tatakelakuan kita menyeluruh, namun tidak semua senario yang mungkin akan anda hadapi diliputinya. Semasa anda membaca dan merenungi Tatakelakuan kita, catatkan soalan yang ingin anda tanya dan pastikan anda mendapatkan penjelasan daripada sumber [Cakap](#) anda.

Tatakelakuan kita dikenakan sepanjang masa terhadap semua pekerja, termasuk pegawai dan pengarah Donaldson Company, anak syarikatnya, unit perniagaannya, perkongsiannya dan usaha samanya, jika Donaldson memiliki bahagian majoritinya atau mengawal pengurusannya.

Kegagalan mematuhi standard Tatakelakuan kita atau kegagalan melaporkan pelanggaran yang diketahui boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil, setakat dan termasuk tindakan memecat.

# Tanggungjawab Anda

Setiap pekerja Donaldson bertanggungjawab:

- **Mematuhi undang-undang, Tatakelakuan kita dan dasar-dasar kita**
- **Memastikan tindakan mereka selaras dengan tujuan dan prinsip Donaldson**
- **Meminta pertolongan apabila timbul cabaran atau konflik**
- **Bercakap apabila mereka nampak atau mengesyaki salah laku**



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya sedang mengusahakan projek dengan pasukan yang dianggotai kakitangan beberapa jabatan. Seorang pengurus dalam pasukan ini mencadangkan sesuatu yang saya percaya menyalahi Tatakelakuan kita tetapi orang lain menyetujuinya. Patutkah saya membiarkannya sahaja?

# Tanggungjawab Pengurus

Para pengurus menunjukkan contoh kepada rakan sekerja dan ahli pasukan mereka dengan cara mengamalkan Tatakelakuan kita dan menzahirkan prinsip-prinsip kita. Semua pengurus mesti:

- **Menggalakkan budaya saling percaya dan hormat**
- **Memastikan bahawa ahli pasukan mereka membaca dan memahami Tatakelakuan kita dan dasar-dasar yang dikenakan**
- **Mengamalkan dasar pintu terbuka dan menggalakkan pekerja berbincang tentang etika dan kelakuan**
- **Mengalu-alukan pertanyaan dan menyokong pelaporan kekhawatiran**
- **Memastikan bahawa tindakan yang sewajarnya diambil untuk menangani kekhawatiran yang dibangkitkan**
- **Tidak sekali-kali mengambil tindakan balasan terhadap pekerja yang membangkitkan kekhawatiran dengan suci hati**

**J** Tidak, anda tidak patut berbuat begitu. Tiada sesiapa pun dalam syarikat kita, walau apa pun peranannya, diberi kuasa untuk menyuruh anda mengetepikan sesuatu yang mungkin melanggar Tatakelakuan kita, dasar kita atau undang-undang. Laporkan kekhawatiran anda kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Membuat Keputusan yang Beretika

Tatakelakuan kita menyentuh beberapa isu yang paling lazim timbul semasa bekerja. Tetapi sudah tentulah, tidak mungkin dapat dijangka setiap senario yang boleh timbul. Ketika berhadapan dengan pilihan yang sukar atau yang kurang diyakini, tanya diri sendiri:



ADAKAH KEPUTUSAN SAYA INI  
DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG?



ADAKAH KEPUTUSAN SAYA INI  
SELARAS DENGAN TATAKELAKUAN,  
PRINSIP DAN DASAR KITA?



ADAKAH KEPUTUSAN  
SAYA INI BAIK UNTUK  
SYARIKAT KITA DAN  
PELANGGAN KITA?



Anda sepatutnya menjawab,  
"YA!" setiap kali.



ADAKAH KEPUTUSAN SAYA INI  
MELAHIRKAN RASA HORMAT?



ADAKAH SAYA AKAN BERASA  
BANGGA JIKA KEPUTUSAN SAYA  
INI DIKETAHUI ORANG RAMAI?



ADAKAH KEPUTUSAN  
SAYA INI SELAMAT UNTUK  
MANUSIA DAN PLANET KITA?



Jika anda menjawab "tidak" atau jika anda kurang pasti tentang mana-mana soalan ini, **Cakap** dengan serta-merta dan mohon panduan sebelum bertindak.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Bercakap

Menggunakan suara anda ialah komponen utama dalam tindakan yang berintegriti. Jika anda percaya bahawa Tatakelakuan kita telah dilanggar atau berkemungkinan telah dilanggar, menjadi kewajipan anda untuk Cakap.

Tatakelakuan kita dikenakan sepanjang masa, terhadap semua pekerja.

Kita mengajukan pertanyaan apabila kita tidak memahami sesuatu atau memerlukan bimbingan.

Kita membuat laporan apabila kita nampak pelanggaran Tatakelakuan kita, dasar kita atau undang-undang.

Kita tidak menganggap bahawa orang lain akan bertindak. Kita semua perlu bertanggungjawab.

Seboleh-bolehnya, bincangkan kekhawatiran anda dengan pengurus anda atau pengurus lain.

Anda juga boleh mendapatkan bimbingan dan melaporkan kekhawatiran kepada:

- [Jawatankuasa Pematuhan](#)
- [Sumber Manusia](#)
- [Jabatan Undang-undang](#)
- [Audit Dalaman](#)

Jika salah satu sumber ini tidak boleh digunakan atau jika anda kurang selesa menggunakannya, anda boleh menghubungi Talian Bantuan Tataniaga kita untuk membuat laporan yang selamat dan sulit sama ada [dalam talian](#) atau melalui telefon. Penelefon di Amerika Syarikat boleh terus menghubungi talian 888-366-6031 manakala mereka yang menelefon dari luar Amerika Syarikat boleh merujuk senarai nombor telefon tempatan pada [laman web Talian Bantuan](#).

**MELINDUNGI PENDEDAH MAKLUMAT**  
Tatakelakuan kita tidak menghalang sesiapa memberikan maklumat kepada entiti kerajaan, pengawal atur atau pemeriksa dan tidak menghalang sesiapa menyertai siasatan kerajaan apabila bertindak sebagai pendedah maklumat mengikut undang-undang yang berkenaan.

**INTEGRITI  
KOMITMEN  
HORMAT  
INOVASI**



## Integriti Dilaksanakan

**S** Salah seorang rakan sekerja saya baru-baru ini membangkitkan kekhawatirannya tentang keselamatan kepada penyelia kami dan saya dapati layanan penyelia itu terhadap rakan sekerja saya ini berubah sejak itu. Beliau banyak mengutuknya di depan khalayak ramai, "terlupa" menyertakannya ke dalam mesyuarat kakitangan dan sebagainya. Adakah penyelia itu sedang membalas perbuatannya?

**J** Mungkin begitu, tetapi bukan anda yang bertanggungjawab menentukan sama ada perbuatan beliau itu sampai kepada tahap tindakan balasan. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab memberitahu syarikat kita mengenai tingkah laku penyelia anda kerana anda mengesyaki bahawa beliau mungkin melanggar Tatakelakuan. Laporkan kekhawatiran anda kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber Cakap yang lain.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

## Tidak Bertindak Membalas

Donaldson menggalakkan budaya keterbukaan dan ketelusan yang membuatkan semua pekerja berasa yakin untuk Cakap, bertanya dan melaporkan kekhawatiran. Untuk memelihara budaya ini, Donaldson dengan tegasnya melarang sebarang bentuk tindakan balas, termasuk gangguan, diskriminasi atau ugutan untuk menurunkan pangkat atau memecat, disebabkan laporan yang dibuat dengan suci hati atau penglibatan dalam mana-mana siasatan.

Kita tidak cuba mendiamkan atau menghukum orang lain apabila mereka bersuara. Mereka yang terlibat dalam tindakan balas akan dikenakan tindakan tatatertib.

Selain itu, pekerja Donaldson tidak boleh sengaja membuat tuduhan atau laporan palsu. Mereka yang melakukannya juga akan dikenakan tindakan tatatertib.

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:** Membuat laporan dengan “suci hati” bermaksud mengemukakan semua maklumat yang berkenaan dengan jujur dan lengkap, walaupun laporan anda mungkin tidak mendedahkan salah laku sebenar.

## Penyiasatan

Semasa isu dibangkitkan, Donaldson akan menentukan sama ada siasatan diperlukan. Penyiasatan akan dikendalikan dengan seberapa sulit yang boleh. Jika anda diminta menyertai penyiasatan, anda mestilah jujur dan menyerahkan semua maklumat yang ada pada anda.

Selain itu, anda tidak boleh membincangkan butir-butir siasatan dengan sesiapa pun di luar pasukan penyiasat dan anda tidak boleh bertindak dengan cara yang mengganggu atau menghalang penyiasatan mahupun menjalankan penyiasatan anda sendiri.

Berdasarkan hasil siasatan, para pekerja yang berkelakuan tidak wajar mungkin dikenakan tindakan tatatertib, setakat dan termasuk dipecat.

Jika laporan dibuat melalui [Talian Bantuan Tataniaga](#), anda boleh berperanan memastikan penyiasatan dapat dilakukan dengan menyeluruh dan wajar dengan cara:

- **Bersiap sedia mengemukakan seberapa banyak butiran yang boleh (siapa, apa, di mana dan bila)**
- **Menyimpan nombor laporan yang diberikan kepada anda supaya langkah susulan lebih mudah dilakukan (terutamanya jika anda merahsiakan nama anda)**
- **Mengetahui bahawa Donaldson mungkin tidak dapat memberitahu anda tentang tindakan tatatertib yang telah diambil kerana perlu menghormati hak privasi**

## Pengetepian Tatakelakuan

Dalam beberapa keadaan, Donaldson mungkin perlu mengetepikan sebahagian daripada Tatakelakuan ini. Pengetepian mesti diluluskan oleh pihak berkuasa penyeliaan yang berpatutan. Jika pengetepian hendak dilakukan bagi pegawai eksekutif atau ahli lembaga pengarah, maka lembaga pengarah syarikat mesti meluluskannya. Selain itu, pengetepian Tatakelakuan kita yang diluluskan oleh lembaga pengarah bagi pegawai eksekutif atau pengarah mestilah didedahkan dengan segera kepada pemegang saham.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# KITA PERKASAKAN SATU SAMA LAIN

KITA PALING BAGUS APABILA KITA BEKERJA BERSAMA-SAMA.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Tempat Kerja yang Bersuasana Hormat


Di Donaldson, kita sebuah pasukan. Kita menghormati maruah, privasi dan hak peribadi setiap orang. Kita terikat untuk melayan satu sama lain dengan adil dan hormat.

Semasa berurusan dengan orang lain, tanya diri sendiri:

- Adakah saya bercakap, berkomunikasi dan bertindak dengan penuh hormat, bertimbang rasa dan baik?
- Apakah kesan kata-kata dan tindakan saya terhadap diri saya, pasukan saya dan Donaldson?
- Jika orang lain dapat mendengar atau melihat saya, ataupun membaca apa yang saya taipkan sekarang, apakah pendapat mereka?

## Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:

“**Diskriminasi**” ialah layanan yang tidak adil atau berprasangka terhadap seseorang atau sesebuah kumpulan berdasarkan ciri-ciri yang terlindung.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya terdengar dua rakan sekerja mengeluarkan kata-kata yang membawa pengertian seksual tentang rakan sepasukan saya. Saya kurang pasti sama ada mereka hanya bergurau. Patutkah saya membangkitkan hal ini kepada sesiapa?

**J** Ya, patut. Walau apa pun niat mereka, komen yang bersifat seksual boleh mewujudkan suasana kerja yang dingin dan boleh dianggap sebagai gangguan seksual. Keadaan begini tidak hanya boleh menjejaskan orang yang diperkatakan itu tetapi juga rakan-rakan sekerja lain yang terdengar perbualan itu. Jika anda berasa selesa, anda boleh menegur mereka sendiri dan meminta mereka menghentikan tingkah laku itu. Walau bagaimanapun, jika anda kurang selesa berbuat demikian atau jika mereka masih berkelakuan begitu, anda harus melaporkan kekhawatiran anda kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Tempat Kerja yang Bersuasana Hormat

Donaldson melarang semua bentuk diskriminasi yang menyalahi undang-undang. Kita faham bahawa undang-undang diskriminasi berbeza di setiap negara dan mungkin merangkumi diskriminasi berdasarkan bangsa, agama, warna kulit, kepercayaan, negara asal, umur, jantina, haluan seksual, identiti atau penampilan jantina, status perkahwinan, kelainan fizikal atau mental, maklumat genetik, taraf veteran atau mana-mana ciri lain yang terlindung oleh undang-undang ini.

Kita menghormati dan melindungi kepelbagaian dan keterangkuman. Kita mewujudkan persekitaran dan peluang yang membolehkan warga kita berkembang.

Kita tidak melakukan gangguan berulang-ulang, seperti komen atau gerak isyarat yang menyakiti hati, membuli, sentuhan yang tidak diingini, gerak laku seksual yang tidak diingini atau apa-apa bentuk tindakan balas.

Kita tidak membelakangkan diskriminasi atau gangguan mahupun membenarkan sesiapa sahaja melakukannya. Jika kita nampak sesuatu, kita [Cakap](#).



## Integriti Dilaksanakan

**S** Pengurus saya sudah berulang kali mengajak saya keluar minum bersamanya dan saya selalu menolak. Pada kali terakhir saya menolak pelawaannya, dia menjawab, "Tak apalah kalau awak tak mahu mendahului rakan sekerja yang lain." Adakah itu dianggap sebagai gangguan seksual?

**J** Ya, betul. Apabila keputusan pekerjaan, misalnya kenaikan pangkat, dibuat berdasarkan kesanggupan pekerja mengadakan hubungan cinta atau memberikan layanan seksual, ini dianggap sebagai gangguan seksual dan hendaklah dilaporkan dengan segera kepada Sumber Manusia, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER


# Kesihatan dan Keselamatan

Tempat kerja yang sihat, selamat dan terjamin mengurangkan tekanan, meningkatkan kepuasan pekerjaan dan membolehkan kita bertumpu pada matlamat dan pelanggan kita.

- KITA:**
- Mematuhi semua undang-undang, peraturan, dasar dan prosedur keselamatan, kesihatan dan persekitaran
  - Menjalankan kerja dalam keadaan terlatih, sesuai dan cekap
  - Peka, berwaspada akan bahaya dan kita Cakap jika kita nampak sesuatu yang tidak selamat atau yang boleh menimbulkan bahaya
  - Melaporkan semua kemalangan dan kecederaan dengan segera

Semasa bekerja, kita dilarang menggunakan arak, bahan yang diharamkan atau apa-apa yang boleh menjejaskan pertimbangan kita.

Janganlah kita ugut atau takut-takutkan orang lain. Selain itu, perbuatan menggunakan, menunjukkan atau membawa senjata di premis syarikat dilarang sama sekali.



**INTEGRITI  
KOMITMEN  
HORMAT  
INOVASI**



Integriti Dilaksanakan

**S** Saya pekerja baharu di syarikat ini dan baru sahaja menerima latihan menggunakan suatu peralatan. Rakan sekerja saya mencadangkan suatu “jalan pintas” yang nampaknya melanggar prosedur keselamatan yang baru sahaja saya pelajari. Oleh sebab dia lebih berpengalaman daripada saya, patutkah saya mengikuti cadangannya itu?

**J** Anda tidak patut berbuat begitu. Anda atau orang lain boleh tercedera. Beritahu rakan sekerja itu bahawa cadangannya bertentangan dengan prosedur keselamatan kita. Jika dia tidak mengendahkan kekhawatiran anda, laporkan hal ini kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Konflik Kepentingan

Apabila membuat keputusan rasmi, janganlah kita utamakan aktiviti, kepentingan kewangan atau persatuan kita sendiri melebihi kewajipan kita kepada satu sama lain dan kepada Donaldson.

- KITA:**
- Menjalankan urusan dengan rakan niaga dan pelanggan secara adil, tanpa mengharapkan kelebihan peribadi
  - Mematuhi Dasar Hadiah dan Keraian kita semasa memberikan ATAU menerima hadiah, keraian atau apa-apa yang bernilai
  - Mendedahkan semua hubungan peribadi atau konflik kepentingan yang mungkin berlaku dengan segera dan sepenuhnya melalui [sistem Pengurusan Pendedahan](#)



## Integriti Dilaksanakan

**S** Pasangan saya baru-baru ini mendapat pekerjaan baharu dengan salah satu vendor kita. Oleh sebab kami bekerja dalam bidang yang berbeza dan tidak akan menghubungi satu sama lain, perlukah saya mendedahkan hubungan kami?

**J** Ya, anda harus mendedahkannya kerana ahli keluarga yang rapat bekerja dengan salah satu rakan niaga kita. Baguslah kalau anda berdua tidak akan berhubung secara profesional, bermaksud besar kemungkinannya tiada konflik yang berlaku sekarang tetapi jika tanggungjawab anda (atau tanggungjawab pasangan anda) berubah, konflik boleh timbul pada masa depan. Anda mesti mendedahkan situasi ini kepada pengurus anda dan juga kepada [Jawatankuasa Pematuhan](#). Dengan cara begitu, kita lebih bersedia menangani konflik yang boleh berlaku ini sebelum hal tersebut membawa mudarat.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Konflik Kepentingan

Penting kita sedari bahawa bayangan berlakunya konflik kepentingan pun boleh membawa masalah atau menjejaskan syarikat. Jika anda kurang pasti sama ada terdapat isu atau konflik, **Cakap** dan bincang dengan pengurus anda atau sumber Cakap yang lain.

Anda juga mesti melaporkan atau mendedahkan konflik kepentingan yang diketahui atau disyaki yang melibatkan pekerja lain.

Antara situasi yang mesti lebih kita beringat akan konflik yang boleh berlaku ialah:

- **Penyeliaan rakan, keluarga atau pasangan cinta**
- **Peluang perniagaan luar, termasuk pekerjaan, sama ada dengan pesaing, rakan niaga (termasuk pelanggan), bakal rakan niaga atau mana-mana organisasi**
- **Persaingan dengan Donaldson dengan apa-apa cara, termasuk perbuatan mengambil atau melabur ke dalam peluang milik Donaldson**



## Integriti Dilaksanakan

**S** Kawan saya memiliki sebuah perniagaan kecil yang membekalkan perkhidmatan perundingan yang sedang kita cari melalui pembidaan. Bolehkah saya mencadangkan syarikatnya untuk dipertimbangkan sebagai vendor?

**J** Boleh, jika anda mendedahkan hubungan anda dengan kawan anda itu dan syarikatnya kepada pengurus anda dan **Jawatankuasa Pematuhan**. Anda juga harus mengecualikan diri anda daripada proses pemerolehan vendor itu untuk mengelakkan bayangan berlakunya kepincangan.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Hadiah, Keraian dan Layanan

Kita tidak cuba mendapatkan kelebihan melalui penggunaan hadiah atau hiburan secara tidak wajar. Walaupun pertukaran hadiah dan hiburan yang sederhana dan berpatutan boleh diterima, pertimbangan yang waras mesti digunakan supaya reputasi syarikat dan pekerja kita tidak tercalar.

Menawarkan, memberikan, meminta atau menerima apa-apa bentuk sogokan atau rasuah tetap dilarang.


**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:**  
“**Sogokan**” ialah rasuah yang dibuat sebagai ganjaran kerana membuat atau mempengaruhi aturan perniagaan.

“**Kesamaan tunai**” boleh merangkumi kad hadiah, saham, bon, pinjaman, mata wang kripto dan sekuriti lain.

Jamuan makan, keraian atau hadiah yang tidak sampai AS\$200 nilainya biasanya boleh diterima tetapi jika anda ragu-ragu, tanya diri sendiri soalan-soalan yang berikut:

- Adakah berian ini ditawarkan selalu?
- Adakah berian ini berbentuk wang tunai atau kesamaan tunai?
- Adakah berian ini tidak berkait dengan mana-mana tujuan perniagaan?
- Adakah berian ini bertentangan dengan Tatakelakuan kita, dasar-dasar kita atau undang-undang?
- Adakah berian ini bercanggah dengan dasar-dasar pihak lain?
- Adakah berian ini dimaksudkan untuk mempengaruhi suatu keputusan perniagaan?
- Adakah pemberi itu mengharapkan balasan hadiah atau pertolongan istimewa?
- Adakah berian ini dihadiahkan tanpa diketahui orang atau secara “tidak rasmi”?
- Adakah berian ini diharamkan, menyakiti hati atau lucah?

Jika anda menjawab “**YA**” bagi mana-mana soalan ini, maka berian itu tidak berpatutan dan hendaklah ditolak kemudian dilaporkan.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Hadiah, Keraian dan Layanan

Anda mesti mendapatkan kelulusan bertulis daripada pengurus anda dan juga daripada Jawatankuasa Pematuhan bagi:

- Hadiah atau keraian yang melebihi had nilai AS\$200 kita
- Hadiah atau keraian untuk pegawai kerajaan, walau berapa pun nilainya

Anda boleh melihat borang pendedahan hadiah dan keraian kita bagi hadiah yang diberikan dan hadiah yang diterima.

Jika anda menerima hadiah yang tidak menepati dasar kita, pulangkan hadiah itu. Jika anda tidak mungkin dapat memulangkan hadiah itu, hubungi Jawatankuasa Pematuhan.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya akan menghadiri suatu persidangan industri di bandar lain sehingga hari Jumaat tetapi penerbangan pulang saya dijadualkan pada hari Sabtu. Seseorang yang mungkin akan menjadi vendor telah mengajak saya ke pusat peranginan eksklusif untuk bermain golf pada hari Sabtu sebelum saya pulang. Oleh sebab peristiwa ini akan berlaku dalam masa saya sendiri, bolehkah saya menerima pelawaannya?

**J** Tidak boleh. Keraian ini tiada kaitan yang jelas dengan mana-mana tujuan rasmi dan tidak mungkin nilainya kurang daripada AS\$200. Untuk mengelakkan walau bayangan berlakunya pengaruh, anda patut menolak jemputan tersebut. Jika anda masih khawatir, laporkan hal ini kepada pengurus anda, Jawatankuasa Pematuhan atau sumber Cakap yang lain.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Hubungan dengan Pihak Ketiga

Kita jujur dan telus, dan tindakan kita selaras dengan janji kita. Komuniti, rakan niaga dan pembekal kita boleh mengharapkan Donaldson untuk berpegang pada janji kita.

- KITA:**
- **Bercakap benar dan memberikan semua butiran yang berkenaan**
  - **Mempertanggungjawabkan diri kita terhadap kata-kata dan tindakan kita**
  - **Menghendaki rakan-rakan niaga kita turut bertindak secara beretika dan jujur dengan kita**

Semasa memilih rakan niaga (termasuk peniaga, pengedar, pakar runding, ejen, pembekal, vendor, kontraktor atau pihak ketiga lain), kita membuat keputusan berdasarkan kesesuaian dan prestasi demi kepentingan Donaldson dan kita mematuhi Tatakelakuan kita, prosedur kita dan undang-undang. Rakan niaga dipilih secara adil, berdasarkan kualiti, perkhidmatan, kecekapan dan harga.

Sebagaimana kita menghendaki pekerja kita bertindak dengan berintegriti, kita juga menghendaki agar pembekal kita dan pihak ketiga lain, serta pekerja mereka, menjalankan semua aktiviti perniagaan mengikut garis panduan [Tatakelakuan Pembekal](#) Donaldson pada setiap masa.


Kita membuat keputusan pembelian dengan cara yang sama. Kita membuat pilihan berdasarkan kepentingan Donaldson, walau siapa pun pengilangnya atau pembekalnya.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Baru-baru ini, saya mendapat tahu bahawa salah satu pengedar kita didakwa melakukan rasuah tahun lepas. Pengedar itu tidak menyebut tentang hal ini semasa penilaian risikan latar belakang tahun ini. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Laporkan kekhawatiran anda dengan segera kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain. Jika berlaku salah nyata, langkah-langkah yang perlu akan diambil untuk menamatkan kontrak berserta sebab.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Berurusan dengan Kerajaan

Kita menjalankan semua interaksi dengan pekerja kerajaan secara adil dan jujur. Kita tidak akan membenarkan, membayar, berjanji, menyampaikan atau meminta bayaran atau pertolongan, sama ada secara langsung atau tidak, untuk tujuan mempengaruhi mana-mana pegawai politik atau pekerja kerajaan secara tidak wajar.

Kita tidak akan meraikan pekerja kerajaan apabila berurus niaga dengan mereka melainkan keraian itu dilakukan selaras dengan semua undang-undang yang berkenaan serta [Dasar Hadiah dan Keraian](#) kita.

Mengambil khidmat pekerja kerajaan atau bekas pekerja kerajaan atau ahli keluarga mereka boleh menimbulkan risiko yang unik, bergantung pada peranan mereka. Dapatkan nasihat rakan niaga HR anda atau [Jawatankuasa Pematuhan](#) dalam situasi begini.

Kontrak dengan kerajaan ialah suatu bahagian unik perniagaan Donaldson dan kita mematuhi sepenuhnya semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan bagi kontrak dengan kerajaan. Kita mematuhi semua syarat kontrak kerajaan dengan cermat.

Pelanggan kita, daripada petani dan pemilik perniagaan kecil hingga syarikat besar dan kerajaan, menghendaki kita meningkatkan usaha untuk memenuhi keperluan mereka dan sentiasa bertindak dengan betul.

Kita juga memikul kewajipan untuk memberikan kerjasama dengan segera dan sepenuhnya semasa audit luar dan siasatan kerajaan dijalankan. Ini bermakna kita akan memberikan maklumat yang benar, lengkap dan tepat, seperti yang diminta, dalam masa yang ditentukan. Kita menghubungi [Jabatan Undang-undang](#) sebelum melayan pertanyaan, pemeriksaan, sepina atau permintaan kerajaan yang bukan rutin.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Kami sedang merundingkan suatu kontrak antarabangsa. Saya dengar bahawa jika kita membuat beberapa “bayaran khidmat” yang tidak rasmi, kontrak itu akan diluluskan dengan lebih cepat. Patutkah saya melakukannya?

**J** Tidak patut. Kita tidak akan membuat bayaran yang boleh mempengaruhi keputusan kerajaan secara tidak wajar. Anda harus menghubungi pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain untuk memohon panduan.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Privasi Pekerja

Kita komited terhadap usaha memastikan data pekerja sentiasa sulit dan selamat. Tujuan perniagaan biasanya menghendaki kita mengutip, menggunakan dan menyimpan maklumat peribadi yang sensitif. Pelanggaran keselamatan boleh memudaratkan syarikat dan individu.

Oleh itu, kita mesti berhati-hati ketika mengendalikan data yang boleh kita ambil, antara lainnya:

- Fail kakitangan pekerja
- Maklumat perubatan atau kesihatan pekerja
- Maklumat kewangan pekerja
- Sejarah pekerjaan
- Data semakan latar belakang
- Maklumat peribadi yang lain seperti butir-butir perhubungan atau pengenalan

Laluan untuk mendapatkan maklumat peribadi sepatutnya diberikan hanya kepada mereka yang dibenarkan dan mempunyai keperluan rasmi.


Semua dasar, prosedur dan undang-undang mesti diikuti semasa mengambil, mengutip, menggunakan, memindahkan dan memusnahkan data pekerja.



## Integriti Dilaksanakan

**S**aya menerima panggilan daripada seseorang di luar syarikat yang meminta tarikh mula bekerja, nama jawatan dan gaji pokok para pekerja saya. Dia memberitahu saya bahawa dia bekerja dengan Sumber Manusia dalam sebuah projek penanda aras dan maklumat itu diperlukan dengan segera. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Maklumat tentang para pekerja kita sulit dan sepatutnya boleh diberikan hanya kepada mereka yang dibenarkan mendapat maklumat ini. Dalam situasi begini, jangan layan orang itu. Sebaliknya, laporkan permintaan tersebut kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.





Donaldson.  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# KITA BERTANGGUNGJAWAB

**KERJA YANG KITA LAKUKAN MAMPU MENGUBAH KEADAAN. OLEH ITU, KITA MENGANGGAP TANGGUNGJAWAB KITA DENGAN SERIUS.**



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

## Aset Syarikat

Aset ialah alat yang kita gunakan untuk melakukan pekerjaan kita dan melakukannya dengan betul. Oleh itu, kita semua berperanan melindungi aset kita supaya tidak dibazirkan, hilang, dicuri dan disalahgunakan. Aset kita merangkumi aneka barang yang fizikal dan yang bukan fizikal, antara lainnya:

- Bangunan
- Peralatan
- Alat
- Inventori
- Bahan fizikal
- Komputer
- Electronics
- Rangkaian
- Peranti
- Perisian
- Teknologi lain
- Bekalan pejabat

Aset ini perlu digunakan dengan selamat dan bertanggungjawab untuk tujuan rasmi yang sah sahaja. Kita juga perlu melindungi aset rakan niaga dan pelanggan kita.

## Data Pelanggan dan Rakan Niaga

Kita amat menghormati privasi pelanggan dan rakan niaga kita dan kita komited terhadap usaha menjaga keselamatan dan melindungi data mereka supaya tidak hilang dan disalahgunakan. Data peribadi merangkumi:

- Butir-butir perhubungan (nama, alamat, nombor telefon)
- Maklumat kewangan
- Maklumat perniagaan yang sulit
- Harta intelektual

Kita mematuhi semua dasar, prosedur dan undang-undang semasa mengambil, mengutip, menyimpan, menggunakan, memindahkan dan memusnahkan data pelanggan dan rakan niaga. Kita tidak akan berkongsi maklumat ini dengan sesiapa pun, sama ada di dalam atau di luar Donaldson, tanpa kebenaran yang sewajarnya.



## Integriti Dilaksanakan

**S**aya menerima e-mel daripada syarikat pesaing tetapi e-mel itu tidak dimaksudkan untuk saya. Setelah saya mula membacanya, saya pun sedar bahawa e-mel itu mengandungi strategi peletakan harga yang sensitif, yang disediakan untuk pembidaan yang akan datang. Maklumat ini mungkin bermanfaat bagi kita. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Anggap maklumat itu sebagai sulit dan berhenti membacanya sebaik sahaja anda sedar bahawa e-mel itu disalah hantar kepada anda. Serta-merta maklumkan [Jabatan Undang-undang](#) mengenai situasi tersebut dan beritahu pengirimnya mengenai kesilapan itu. Jelaskan bahawa anda tidak teruskan membaca kandungan e-mel itu dan tidak akan menggunakan maklumat di dalamnya dengan apa-apa cara pun. Anda juga harus menghapuskan e-mel tersebut daripada sistem anda. Kita mesti mengekalkan standard etika dan mengelakkan tindakan yang boleh dipandang sebagai amalan persaingan yang tidak adil.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Maklumat Sulit dan Harta Intelektual

Kita melindungi maklumat sulit Donaldson, termasuk rahsia perdagangan, data pelanggan, maklumat rakan niaga, data pekerja, strategi perniagaan, rancangan pemasaran, maklumat kewangan, maklumat penyelidikan dan pembangunan serta maklumat perniagaan lain yang tidak diketahui secara umum, supaya tidak disalahgunakan, dicuri atau hilang.

Kita tidak memberikan maklumat sulit kepada rakan niaga, pelanggan atau pihak ketiga yang lain melainkan pendedahan itu diluluskan secara wajar.

Kita menunaikan kewajipan kita mengikut perjanjian kerahsiaan, sama ada dengan Donaldson atau dengan syarikat lain, termasuk bekas majikan. Kewajipan kita memelihara maklumat sulit Donaldson berterusan sepanjang dan malah selepas tempoh perkhidmatan kita dengan syarikat ini.

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:**  
“**Harta intelektual**” merujuk kepada produk minda, seperti ciptaan, simbol perniagaan, reka bentuk, imej dan nama. Harta ini boleh dilindungi dengan paten, tanda dagang, rahsia perdagangan atau hak cipta.

Kita menghormati hak harta intelektual Donaldson serta pihak-pihak luar. Kita tidak menggunakan harta intelektual tanpa pelesenan atau kebenaran yang sewajarnya.

Kita juga melindungi maklumat kita dengan cara beringat apabila kita menggunakan kecerdasan buatan (AI). Sedikit penggunaan alat-alat AI generatif dibenarkan untuk melaksanakan kerja bagi Donaldson sahaja setelah mendapat kelulusan pengurus anda. Jika anda diberi kuasa untuk menggunakan AI, gunakan hanya aplikasi yang diluluskan dan jangan masukkan maklumat sulit atau harta intelektual ke dalam alat AI awam. Dan pastikan anda menyemak setiap janaan AI untuk memastikan bahawa hasilnya tepat dan tidak pincang. Rujuk [dasar Penggunaan Alat AI Generatif](#) kita untuk mendapatkan butir-butir selanjutnya.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Salah seorang anggota baharu dalam pasukan saya pernah bekerja dengan syarikat pesaing dan hendak berkongsi beberapa strategi peletakan harga yang diatur oleh bekas majikannya. Bagusnya! Ini akan memberi kita kelebihan untuk mengatasi pesaing kita, bukan?

**J** Tidak. Kita memperoleh urus janji dengan cara yang betul. Ahli pasukan anda itu boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran am yang dipelajari melalui pekerjaannya yang lepas. Tetapi maklumat yang menjadi milik syarikat itu akan bercanggah dengan kewajipan ahli pasukan anda, dasar-dasar kita dan mungkin juga undang-undang. Ahli pasukan anda itu memikul kewajipan melindungi maklumat sulit mengenai bekas majikannya, sepertimana anda juga bertanggungjawab melindungi maklumat sulit kita seandainya anda meninggalkan syarikat ini.

Kita menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah dengan dorongan tanpa henti untuk mengejar inovasi, menyampaikan penyelesaian yang cemerlang dan melampaui jangkauan.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS

# Menyampaikan Kualiti

Kita juga berusaha menyampaikan produk yang menjunjung nama Donaldson. Kita membuat produk yang selamat, boleh dipercayai, cekap dan melampaui jangkaan pelanggan.



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

- KITA:**
- Memperbaiki dan menetapkan standard dan penanda aras yang bertaraf dunia dengan konsisten
  - Meniadakan sisa dan variasi
  - Mengembangkan dan memperkasa warga kita serta menyertai latihan profesional
  - Menyeragamkan proses dan mengukur kemajuan kita
  - Mematuhi semua dasar dan prosedur kualiti dan keselamatan

Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, rujuk [laman web OneBlue Quality](#) kita.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Rakan sekerja saya mencadangkan agar saya mengubah hasil pemeriksaan dimensi produk kepada nilai-nilai yang akan menunjukkan bahawa produk itu menepati spesifikasi lukisan/toleransi. Perubahannya kecil sahaja tetapi berlainan daripada hasil pemeriksaan sebenar. Rakan sekerja saya berkata bahawa perubahan ini barangkali tiada kesan terhadap fungsi bahagian itu. Patutkah saya mengikuti cadangannya?

**J** Tidak patut. Salah satu cara kita menyampaikan kualiti adalah melalui pemeriksaan kita yang teliti dan tepat. Jika anda mengesyaki bahawa prosedur pemeriksaan yang betul tidak diikuti, laporkan hal ini kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Penyimpanan Rekod dan Pelaporan Kewangan yang Tepat

Rekod kita menolong kita menjejaki kerja kita yang hebat-hebat ini dan membimbing keputusan kita untuk masa depan. Itulah sebabnya kita menyimpan rekod yang telus, tepat, lengkap dan kemas kini dengan cara yang selaras dengan prosedur yang ditetapkan dan undang-undang yang berkenaan.

Maklumat yang palsu atau mengelirukan tidak boleh dimasukkan dengan sengaja atau disembunyikan di dalam rekod syarikat. Ketidaktepatan rekod kita mesti dilaporkan dengan serta-merta kepada pengurus anda atau salah satu sumber **Cakap** yang lain. Semak rekod dengan kerap dan cari tanda-tanda penipuan, misalnya:

- **Kemasukan data palsu**
- **Wang atau bayaran yang tidak direkodkan**
- **Maklumat ditinggalkan**
- **Pernyataan yang mengelirukan**
- **Maklumat diubah**

Kita menguruskan rekod yang ada dengan cermat. Ikuti dasar dan prosedur yang ditetapkan tentang cara menyimpan, menyelenggarakan dan melupuskan rekod. Berikan pertimbangan khas kepada dokumen yang tertakluk kepada tahanan undang-undang dan simpan dokumen itu di tempat yang selamat. Rekod-rekod ini tidak boleh dilupuskan kecuali dibenarkan.



**INTEGRITI**  
**KOMITMEN**  
**HORMAT**  
**INOVASI**



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya bertanggungjawab meluluskan belanja berbilang pekerja yang melaporkan diri kepada saya. Perlukah saya menyemak setiap belanja atau bolehkah saya berasa yakin bahawa belanja itu sah dan tepat?

**J** Anda patut menyemak setiap belanja dan resit yang dilampirkan untuk menentukan sama ada belanja itu sah, dicatatkan dengan tepat dan disokong dengan betul. Jika sesuatu belanja itu nampaknya luar biasa dengan apa-apa cara pun, minta penjelasan pekerja yang berkenaan. Perbuatan meluluskan laporan belanja tanpa menyemaknya menunjukkan bahawa anda bersetuju dengan maklumat yang diberikan dan ini boleh menyebabkan anda terbabit memalsukan rekod.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Bercakap Bagi Pihak Donaldson

Kita telus, jujur, tepat dan menepati masa apabila berkomunikasi sesama kita dan dengan pihak-pihak di luar Donaldson. Kita tidak boleh bercakap bagi pihak syarikat melainkan diberi kuasa untuk berbuat demikian.

- KITA:**
- Berkomunikasi dengan jujur dan penuh hormat
  - Memberikan penjelasan apabila kita memberikan pernyataan atau pendapat sendiri dan bukannya bagi pihak Donaldson
  - Tidak mendedahkan maklumat sulit
  - Mendapatkan kelulusan sebelum bercakap semasa acara awam ataupun kepada pihak media mengenai peranan anda di Donaldson
  - Mengikuti [Dasar Komunikasi Awam](#) kita

Donaldson telah melantik beberapa jurucakap dan hanya mereka sahaja diberi kuasa untuk membincangkan maklumat syarikat di khalayak ramai. Pertanyaan atau permintaan maklumat dari luar hendaklah diserahkan kepada mereka.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Baru-baru ini, saya dijemput untuk bercakap bagi pihak syarikat kita. Saya bukan jurucakap yang dilantik. Adakah ini dibenarkan?

**J** Mungkin dibenarkan. Penyertaan anda sebagai pekerja mungkin digalakkan dalam peluang awam dan perhubungan media yang tertentu (contohnya menyampaikan ceramah dan menerbitkan rencana). Walau bagaimanapun, anda mesti mendapatkan kelulusan pengurus anda dan [Komunikasi Korporat](#) sebelum anda bersetuju mengambil bahagian.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Media Sosial

Kita berkomunikasi dalam talian dengan hormat dan bertimbang rasa. Siaran pada media sosial boleh menular dengan pantas lalu merosakkan reputasi yang telah sekian lama kita bina dan mendedahkan maklumat peribadi. Semasa menggunakan media sosial, berikan perhatian terhadap amalan terbaik yang berikut:

- Jangan rendah-rendahkan pesaing atau buat dakwaan yang kurang tepat
- Jangan tampilkan diri anda sebagai jurucakap bagi pihak Donaldson kecuali diberi kuasa
- Bawa diri dengan hormat dan ingatlah bahawa Tatakelakuan kita dan dasar-dasar kita tetap dikenakan dalam talian
- Jangan buat atau kembangkan akaun media sosial atau profil yang membawa nama Donaldson tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada [Komunikasi Korporat](#)
- Elakkan tingkah laku yang boleh menimbulkan atau yang hanya membayangkan konflik kepentingan dan percanggahan komitmen pada rangkaian sosial
- Jangan berurus niaga menggunakan media sosial
- Jaga kerahsiaan maklumat yang berempunya atau yang terlindung
- Hormati hak dan undang-undang harta intelektual
- Semasa menggunakan media sosial bagi pihak Donaldson, jangan lahirkan pendapat politik atau sertai aktiviti politik
- Gunakan pertimbangan yang baik
- Ingatlah bahawa anda mewakili Donaldson

Gunakan pertimbangan yang baik dalam talian dan ikuti [garis panduan Media Sosial](#) kita. Ingatlah bahawa walau pelantar atau aplikasi mana pun yang anda gunakan, siaran dan mesej boleh kekal selama-lamanya.



## Integriti Dilaksanakan

**S**aya pengurus kawasan yang baharu dan saya mahu mewujudkan akaun media sosial untuk berhubung dengan pelanggan kita dan khalayak yang mungkin menjadi pelanggan kita. Bolehkah saya melakukannya?

**J** Sungguhpun kita menyokong sepenuhnya penglibatan yang aktif dengan pelanggan, kita tidak boleh mewujudkan akaun media sosial melainkan kita terlebih dahulu mendapat izin yang nyata daripada [Komunikasi Korporat](#) dan bahagian perniagaan yang berkenaan.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# KITA BUAT APA YANG BETUL

**KITA SELALU BERTINDAK DENGAN BETUL  
UNTUK PELANGGAN KITA, RAKAN NIAGA  
KITA, INDUSTRI KITA DAN DIRI KITA SENDIRI.**



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Hubungan dengan Pelanggan

Kita melayan pelanggan kita dengan penuh hormat, tanpa mengira siapa mereka itu mahupun jumlah urus niaga mereka dengan kita. Kita mengekalkan kepercayaan dengan sikap yang jujur dan adil semasa mengurus niaga.

Ini bermaksud memasarkan produk dan perkhidmatan kita dengan menggunakan pendekatan yang mencerminkan komitmen kita untuk bertindak dengan berintegriti dan menyampaikan nilai kepada pelanggan. Kita berkomunikasi secara terbuka dan jujur, menyokong dakwaan kita dengan maklumat dan memastikan bahawa Donaldson sentiasa berkata benar.

**Kita melayan pelanggan sebagaimana kita mahu dilayan.**

Kita amalkan pemasaran dan periklanan yang benar dengan cara:

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkenaan
- Tidak membuat dakwaan palsu mengenai produk dan perkhidmatan kita
- Tidak mahu menjanjikan sesuatu yang tidak dapat kita tunaikan
- Tidak berbohong mengenai pesaing kita mahupun memfitnah mereka



## Integriti Dilaksanakan

**S** Semasa menghadiri mesyuarat pelanggan bersama seorang lagi pekerja Donaldson, rakan sekerja saya membuat pernyataan tentang kemampuan kita yang saya percaya sengaja dipalsukan. Apakah yang harus saya lakukan?

**J** Betulkan kesilapan itu semasa mesyuarat tersebut jika boleh. Jika tidak boleh, laporkan kekhawatiran anda itu kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain. Langkah ini memastikan bahawa syarikat membetulkan salah tanggapan oleh pelanggan, jika ada.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Pencegahan Rasuah

Rasuah ialah penghalang utama terhadap perkembangan ekonomi, politik dan sosial yang mampan dalam sesebuah negara pada semua peringkat pembangunan. Perniagaan yang terlibat melakukan rasuah mengorbankan inovasi dan daya saing, manakala kerajaan yang membenarkan seseorang menyelewengkan wang negara untuk kegunaan peribadi pula mengorbankan kesejahteraan rakyatnya.

Di Donaldson, kita bertindak dengan berintegriti dan kita tidak merasuah. Sogokan dan bentuk rasuah yang lain dilarang sekeras-kerasnya.

Kita tidak menghadiahkan apa-apa yang bernilai kepada rakan dagang atau pegawai kerajaan untuk mendapatkan atau mengekalkan urusan niaga, memperoleh kelebihan perniagaan atau mempengaruhi keputusan perniagaan dengan cara lain.

Dasar ini turut merangkumi sesiapa sahaja yang mewakili Donaldson, termasuk pakar runding, rakan niaga dan ejen kita serta mana-mana pihak ketiga yang lain.



- KITA:**
- Mematuhi dasar dan prosedur Donaldson tentang hadiah dan keraian pada setiap masa
  - Menyimpan rekod yang tepat dan lengkap tentang semua belanja rasmi
  - Tidak menerima atau memulangkan sebahagian daripada jumlah yang telah dibayar (biasanya dipanggil suap balik) untuk memperoleh urusan janji atau mempengaruhi keputusan perniagaan

Tiada satu pun urusan janji yang berbaloi dengan akibat sogokan. Pelanggaran undang-undang antirasuah boleh membawa hukuman yang berat terhadap Donaldson serta orang yang terbabit.

**INTEGRITI  
KOMITMEN  
HORMAT  
INOVASI**

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:**  
"Apa-apa yang bernilai" merangkumi wang tunai, kesamaan tunai (misalnya kad hadiah), sumbangan amal, pinjaman, hadiah, pertolongan istimewa, keraian dan peluang.

"Pegawai kerajaan" mungkin pekerja kerajaan atau pekerja syarikat yang dimiliki atau dikawal oleh kerajaan, misalnya ejen pembelian yang bekerja dengan pengilang milik kerajaan. Pegawai kerajaan juga mungkin merangkumi ahli politik dan mereka yang bekerja untuk organisasi antarabangsa seperti Persatuan Bulan Sabit Merah.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Pematuhan Undang-undang Perdagangan

Untuk mengimport dan mengekspor produk di merata dunia dengan jayanya, kita mesti mematuhi semua undang-undang, peraturan dan dasar import eksport yang mengawal perniagaan global kita. Ini merangkumi undang-undang yang mengawal perdagangan barangan, teknologi perisian serta data dan perkhidmatan teknikal, di samping peraturan yang berkenaan dengan embargo, boikot dan sekatan ekonomi yang lain.



Undang-undang perdagangan mungkin rumit dan sering berubah. Oleh itu, dapatkan bimbingan jika anda musykil dan semak dasar kita. Kegagalan mematuhi undang-undang perdagangan boleh membawa akibat yang sangat berat, misalnya publisiti yang buruk, penangguhan atau penyitaan penghantaran, kehilangan hak keistimewaan import eksport dan/atau hukuman sivil dan jenayah.

Perdagangan global juga sangat mudah menjadi tempat berlakunya aktiviti pengubahan wang haram. Apabila menjalankan transaksi antarabangsa, simpan rekod yang lengkap lagi tepat dan berawas akan permintaan yang mencurigakan, misalnya:

- **Bayaran perlu dihantarkan ke akaun peribadi dan bukan akaun syarikat**
- **Transaksi dijalankan melalui pihak ketiga tanpa perkaitan yang logik dengan rantai bekalan perniagaan kita**
- **Rekod diubah atau urusan dijalankan "di luar rekod"**

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:**  
"Pengubahan wang haram" ialah percubaan menyembunyikan hasil aktiviti jenayah sebagai pendapatan yang sah melalui perniagaan.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya ada hubungan yang panjang dengan seorang pelanggan yang menjadi rakan niaga yang baik selama ini. Baru-baru ini saya dapati alamat penghantarannya telah bertukar kepada entiti baharu yang mungkin berkait dengan suatu sasaran larangan perdagangan yang dikenakan oleh kerajaan Amerika Syarikat. Patutkah saya meneruskan urus niaga dengan mereka, memandangkan tiada perkara luar biasa yang berlaku secara rasminya?

**J** Tidak. Undang-undang Amerika Syarikat tidak membenarkan urus niaga antara mana-mana entiti milik syarikat atau yang dikawal oleh syarikat dengan entiti atau orang yang berkait dengan negara atau pihak terlarang, walaupun transaksi dilakukan menerusi negara pihak ketiga atau negara yang neutral. Apa-apa aktiviti yang boleh menyalahi undang-undang perdagangan mesti dielakkan. Jika anda nampak perubahan atau tingkah laku yang mencurigakan, hubungi [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau [Pematuhan Perdagangan](#) dengan segera untuk memohon panduan. Urus niaga yang diteruskan tanpa menangani hal begini boleh mendedahkan syarikat kita kepada risiko undang-undang dan kewangan yang serius.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Perdagangan Orang Dalam

Kita tidak berjual beli saham Donaldson sedangkan kita mengetahui maklumat penting syarikat yang tidak diketahui umum. Kita juga tidak mendedahkan maklumat penting yang tidak ketahu umum (memberikan “tip”) tentang syarikat kita. Dasar-dasar ini turut dikenakan apabila anda mendagangkan sekuriti syarikat lain sedangkan anda mengetahui maklumat penting yang tidak ketahu umum tentang syarikat lain itu, yang diperoleh semasa anda berkhidmat dengan Donaldson, termasuk memberikan “tip” mengenai maklumat itu.

Orang yang ditentukan, termasuk semua ahli lembaga pengarah serta pegawai dan pekerja lain yang tertentu, tertakluk kepada larangan tambahan, termasuk tempoh bukaan tettingkap perdagangan dan keperluan mendapat prakelulusan Ketua Pegawai Undang-undang sebelum menjalankan transaksi saham syarikat. Kita mesti mengelakkan walau bayangan berlakunya transaksi yang tidak berpatutan untuk memelihara reputasi syarikat kita dan mengelakkan akibat undang-undang yang serius.

Rujuk [Dasar Perdagangan Sekuriti dan Pendedahan Maklumat](#) kita untuk mendapatkan butir-butir tentang larangan dan dasar perdagangan orang dalam. Jika anda ingin bertanya atau berasa khuatir tentang perdagangan orang dalam, hubungi Ketua Pegawai Undang-undang.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya terdengar perbualan di tempat kerja mengenai suatu pemerolehan yang mungkin dilakukan. Oleh sebab saya tidak dapat mengesahkan sama ada hal ini akan berlaku, bolehkah saya membeli saham syarikat tersebut?

**J** Tidak boleh. Bahawa anda tidak dapat mengesahkannya itu tidak penting. Anda tetap terdengar maklumat dalam. Jangan berdagang berdasarkannya mahupun memberikan tip kepada orang lain untuk berdagang. Anda mungkin menghadapi hukuman undang-undang yang berat.

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:**  
“Maklumat penting yang tidak ketahu umum” ialah maklumat yang tidak boleh didapati oleh orang ramai dan yang dianggap oleh pelabur yang waras sebagai penting diketahui jika mereka mendagangkan saham, misalnya: maklumat kewangan yang belum diumumkan, maklumat tentang penggabungan atau pemerolehan, perubahan kepimpinan, rancangan produk atau peletakan harga, atau transaksi perniagaan lain yang penting.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Persaingan Adil

Kita percaya akan persaingan yang adil dan bebas dan kita tidak cuba mendapatkan kelebihan yang tidak berpatutan dalam pasaran melalui perjanjian yang tidak adil dengan pesaing.

## KITA TIDAK:

- Membincangkan harga atau strategi kita dengan pesaing
- Membuat perjanjian dengan pesaing untuk mengagih-agihkan kawasan penjualan, pasaran atau pelanggan
- Berbincang dengan pelanggan atau pembekal tentang cadangan menyekat perdagangan atau mengecualikan pesaing
- Mengutip maklumat berempunya atau maklumat sulit milik pesaing secara tidak wajar

Undang-undang persaingan, yang juga disebut undang-undang antipakat, ada kalanya kompleks dan berbeza di setiap negara. Jika anda ingin bertanya atau berasa kuarir tentang persaingan yang adil, hubungi [Jabatan Undang-undang](#).



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya akan menghadiri mesyuarat persatuan perdagangan tahun ini dan saya menjangka bahawa rakan-rakan sejawat daripada beberapa syarikat pesaing kita akan turut hadir. Adakah saya dibenarkan bercakap dengan mereka?

**J** Perbualan dengan pesaing mungkin dibenarkan selagi perbualan itu tidak berkenaan dengan operasi perniagaan kita dan tidak melibatkan maklumat yang sensitif atau yang berempunya. Jika pesaing cuba membincangkan perkara-perkara seperti peletakan harga, kawasan penjualan, produk baharu atau maklumat persaingan atau sensitif yang lain, anda harus menamatkan perbincangan itu dengan segera dan melaporkan peristiwa tersebut kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain.

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan: “Undang-undang antipakat”** ialah undang-undang yang direka untuk menyamaratakan medan pasaran bebas dengan cara memastikan bahawa perniagaan bersaing secara adil.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# KITA PENGAWAS YANG TERPUJI

**KITA MEMIKUL KEWAJIPAN MEMBALAS  
BUDI PLANET DAN KOMUNITI KITA.**



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Hak Asasi Manusia

Kita melayan setiap orang dengan penuh hormat dan bermaruah dan kita menuntut agar rakan-rakan niaga kita turut berbuat demikian. Semua rakan niaga dan pembekal Donaldson mesti menyediakan suasana kerja yang adil, tidak mendiskriminasi, saksama dan selamat.

Kita amat menentang mana-mana orang atau organisasi, termasuk pembekal kita, yang menggunakan tenaga kanak-kanak, hamba atau buruh paksa atau yang terlibat dalam pemerdagangan manusia. Sebagai sebuah syarikat global, Donaldson komited terhadap pematuhan semua undang-undang buruh yang berkenaan, termasuk **Dasar Buruh Paksa**, **Dasar Hak Asasi Manusia Global**, **Akta Ketelusan dalam Rantaian Bekalan California 2010**, **Akta Perhambaan Moden UK**, dan [undang-undang lain yang berkenaan](#).



## Integriti Dilaksanakan

**S** Ketika saya melawat pembekal baharu, saya nampak beberapa pekerja di situ yang bawah umur. Apabila saya menyoal, saya tidak diberi jawapan yang jelas. Apakah langkah saya yang seterusnya?

**J** Apa yang anda buat itu betul. Pertama, cari pelanggaran hak asasi manusia dan kedua, bangkitkan hal itu kepada pembekal kita. Langkah yang seterusnya ialah melaporkan kekhawatiran anda itu kepada pengurus anda, [Jawatankuasa Pematuhan](#) atau sumber [Cakap](#) yang lain. Kita komited terhadap perjuangan hak asasi manusia dan pembasmian pencabulan hak asasi manusia, termasuk buruh kanak-kanak.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS

# Penglibatan Dengan Komuniti

Di Donaldson, kita membalas kebaikan komuniti kita. Kita berbangga menjadi warga korporat yang terpuji melalui pemberian berpusat serta melalui usaha yang diketuai oleh pekerja dan akar umbi.

**Yayasan Donaldson**, yang diasaskan pada tahun 1966, berusaha meninggalkan kesan yang bermakna terhadap komuniti kita dengan cara menyokong program dan organisasi yang meluangkan masa dan usaha demi pendidikan. Bantuan kewangan program yang disediakan oleh Yayasan Donaldson meninggalkan kesan yang luas terhadap pelbagai kepentingan pendidikan dalam komuniti kita, termasuk perkembangan awal kanak-kanak, K-12, peringkat selepas menengah, pelajar dewasa dan pendidikan mampu diri.

Selain itu, pekerja Donaldson di pejabat korporat, kilang dan pusat pengedaran kita di merata dunia diperkasakan untuk menjadi sukarelawan dan memungut derma untuk perjuangan dan organisasi amal setempat.

Sumbangan amal yang dibuat oleh Donaldson atau bagi pihak Donaldson yang melebihi US\$200 (atau nilai setara) perlu mendapatkan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada naib presiden rantau atau fungsi dan Jawatankuasa Pematuhan. Kelulusan boleh dimohon melalui **tapak pengurusan pendedahan**.



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Aktiviti Politik

Sebagai warganegara yang terlibat, kita dibenarkan menyertai proses politik sebagai individu, bukan sebagai wakil Donaldson. Anda tidak sepatutnya menggunakan sumber Donaldson untuk aktiviti politik mahupun menimbulkan tanggapan bahawa Donaldson menaja atau menyokong mana-mana calon.

Kita mematuhi semua undang-undang yang berkenaan dengan sumbangan politik. Kita tidak menyumbangkan wang, harta atau perkhidmatan syarikat kepada mana-mana pegawai yang dilantik, parti politik, jawatankuasa atau calon tanpa mendapatkan kelulusan Jabatan Undang-undang kita dahulu.

Tiada sesiapa pun dibenarkan mendesak pekerja untuk membuat sumbangan politik atau menyokong sesuatu parti politik, jawatankuasa bertindak politik atau calon politik.



## Integriti Dilaksanakan

**S** Saya telah mengambil keputusan hendak bertanding untuk jawatan anggota lembaga pengarah bagi sebuah sekolah tempatan. Adakah ini bermasalah?

**J** Tidak, selagi kerja anda untuk lembaga pengarah sekolah itu tidak mengganggu pekerjaan anda di sini. Walau bagaimanapun, anda dilarang menggunakan harta benda dan sumber syarikat untuk tujuan kempen politik peribadi anda.

Kita berkongsi masa, sumber dan bakat kita untuk meninggalkan kesan yang positif di dunia.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Menjaga Persekitaran

Di Donaldson, kita bertanggungjawab menjaga alam sekitar yang kita kongsi bersama. Kita memulihara dan melindungi sumber kita dan meminimumkan kesan yang kita tinggalkan dengan cara:

- Mematuhi semua dasar, prosedur, undang-undang dan peraturan alam sekitar
- Mengurangkan penggunaan, menggunakan semula dan mengitar semula
- Memaksimumkan kecekapan tenaga dan kurang menggunakan sumber

Kita telah menetapkan pelbagai sasaran dan objektif alam sekitar, kesihatan dan keselamatan dalam Dasar Alam Sekitar, Kesihatan & Keselamatan (EHS) global kita dan kita melaporkan kemajuan kita kepada khalayak umum dalam Laporan Kelestarian Korporat kita. Kita menumpukan usaha untuk melindungi pekerja sambil mengurangkan kesan terhadap persekitaran secara berterusan melalui langkah mencegah pencemaran, menjimatkan tenaga dan mengurangkan sisa.

Kita berbuat yang betul untuk syarikat, warga dan planet kita. Kita mengutamakan keselamatan di tempat kerja dan menjaga sumber alam.



## Integriti Dilaksanakan

**S**aya membaca sebuah rencana dalam talian yang mengatakan bahawa salah satu pembekal kita yang baharu tidak melupuskan sisa berbahaya dengan betul. Saya agak khuatir tetapi saya kurang pasti sama ada ini masalah kita. Patutkah saya memberitahu seseorang?

**J**Ya, patut. Kami menghendaki semua orang yang berurus niaga dengan kita mendukung standard kita yang tinggi. Jika pembekal kita bertindak dengan cara yang bertentangan dengan komitmen kita untuk melindungi persekitaran, maka tindakan mereka menjadi masalah kita juga. Laporkan kekhawatiran anda kepada pengurus anda, Jawatankuasa Pematuhan atau sumber Cakap yang lain.

**Tatakelakuan Kita Mentakrifkan:** Konsep “kelestarian” merujuk kepada keupayaan memenuhi keperluan kita sekarang tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

## Kata-kata Penutup

Donaldson telah berkembang maju sejak kita diasaskan. Penuras asal yang dicipta oleh Frank Donaldson pada tahun 1915 kini menjadi bahan pameran di muzium. Tetapi cara beliau bekerja, menghasilkan inovasi dan berkhidmat kepada pelanggan terus hidup dalam kerja yang kita lakukan setiap hari. Penuras yang kita hasilkan hari ini barangkali usang 100 tahun dari sekarang. Tetapi jika kita melakukan pekerjaan kita dengan betul dan baik, warisan kita akan terus hidup.

Kerja kita tidak selalunya mudah atau jelas. Tetapi jika kita tetap mengikuti Tatakelakuan kita dan hidup berpandukan prinsip dan tujuan Donaldson, jalan yang betul akan sentiasa kelihatan jelas.





Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# Sumber yang Membantu

Jika anda memerlukan bimbingan, sumber-sumber Donaldson yang berikut boleh membantu:



Untuk bertanya, melaporkan tingkah laku yang mungkin salah atau membangkitkan kekhawatiran etika yang lain:

- **Pengurus anda**
- **Mana-mana pengurus lain**
- **Sumber Manusia**
- **Jawatankuasa Pematuhan**
- **Jabatan Undang-undang**
- **Audit Dalaman**

Atau hubungi Talian Bantuan Tataniaga Donaldson:

**Boleh dihubungi 24 jam sehari, 7 hari seminggu**

Pergi ke [donaldson.ethicspoint.com](https://donaldson.ethicspoint.com) untuk mengemukakan laporan atau mendapatkan nombor telefon tanpa tol bagi kawasan anda.



Untuk mendapatkan maklumat mengenai manfaat syarikat: **Sumber Manusia**



Untuk bertanya tentang dasar-dasar kita atau mengenai undang-undang: **Jabatan Undang-undang**



Pertanyaan oleh pihak media: **Komunikasi Korporat**



Untuk mengemukakan soalan tentang persekitaran dan kelestarian: **Kelestarian Global**



Jika anda ingin bertanya tentang Tatakelakuan kita, hubungi **Jawatankuasa Pematuhan**.

Donaldson merizabkan hak mengubahsuaikan Tatakelakuan ini pada bila-bila masa, jika perlu, berserta dasar, prosedur dan syarat pekerjaan kita. Tatakelakuan ini tidak dimaksudkan sebagai kontrak pekerjaan atau jaminan pekerjaan.

Donaldson juga menyokong hak pekerja bercakap kepada orang ramai mengenai hal-hal kepentingan awam dan menyertai aktiviti dan komunikasi bersepadu yang berkait dengan syarat-syarat pekerjaan. Tiada satu bahagian pun dalam Tatakelakuan ini atau dalam dasar-dasar kita yang dimaksudkan untuk mengehadkan atau mengganggu hak itu. Ini merangkumi aktiviti yang terlindung oleh Seksyen 7 Akta Perhubungan Buruh Kebangsaan Amerika Syarikat, misalnya perbincangan yang berkait dengan bayaran upah, waktu kerja, keadaan kerja, bahaya terhadap kesihatan dan isu-isu keselamatan.



Donaldson  
FILTRATION SOLUTIONS



KANDUNGAN



TALIAN  
BANTUAN



SUMBER

# BERTINDAK DENGAN BERINTEGRITI

JUN 2025